

Jawab semua soalan.


- 1 Antara berikut, yang manakah menunjukkan situasi berani mempertahankan maruah diri?
- A Saya tidak akan menolong kawan yang berada dalam kesusahan
 - B Saya akan memberitahu cikgu apabila terdapat kawan yang mengejek saya
 - C Saya akan mentertawakan kawan yang jatuh

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Apakah tindakan berani yang boleh dilakukan berdasarkan gambar di atas?
- A Memberitahu guru
 - B Menangis teresak-esak
 - C Tidak hadir ke sekolah
- 3 Antara berikut, yang manakah menunjukkan kepentingan mengamalkan sikap berani dalam diri?
- A Saya akan dapat menjaga maruah diri sendiri
 - B Saya akan mempunyai tahap keyakinan diri yang rendah
 - C Saya akan menjadi seorang murid yang malu untuk berhadapan dengan kawan

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Apakah yang dilakukan oleh budak lelaki dalam gambar di atas?
- A Bersama-sama membuli kawannya
 - B Membantu kawannya daripada dibuli
 - C Membiarkan kawannya dibuli seorang diri
- 5 Antara berikut, pernyataan yang manakah menggambarkan diri kamu yang berani?
- A Saya takut dimarahi apabila melakukan kesilapan
 - B Saya bersikap berani kerana ingin dipuji oleh kawan-kawan
 - C Saya mengamalkan sikap berani kerana saya tidak mahu menipu
- 6 Pilih pernyataan yang betul.
- I Saya perlu bersikap berani supaya tidak diejek
 - II Saya perlu bersikap berani supaya dibuli
 - III Saya perlu bersikap berani supaya dihormati
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III